

17 September 2025

Untuk siaran segera

CAAM MEMPERKENALKAN LOGO KORPORAT BAHARU

Transformasi Ke Arah Membina Masa Depan Industri Penerbangan Yang Lebih Selamat dan Mampan

PUTRAJAYA – Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) secara rasminya memperkenalkan logo dan identiti korporat baharu sebagai satu simbol pencapaian penting dalam perjalanan transformasi CAAM sebagai badan kawal selia tunggal sektor penerbangan negara. Dengan mandat yang lebih luas merangkumi sektor kawal selia ekonomi selain sektor keselamatan dan sekuriti penerbangan, CAAM kini berada pada kedudukan kukuh untuk memandu industri penerbangan negara ke arah pertumbuhan yang lebih mampan dan berdaya saing di peringkat global.

Identiti baharu ini bukan sekadar penjenamaan semula sebaliknya turut mencerminkan matlamat baharu CAAM sebagai badan kawal selia yang lebih moden, bebas dan selaras dengan piawaian global. Ini juga bagi menyokong matlamat Malaysia menjadi hab penerbangan terkemuka di rantau Asia-Pasifik.

Sektor penerbangan negara yang merupakan pemacu utama ekonomi Malaysia dan penyumbang besar kepada sektor perdagangan, pelancongan, pelaburan dan peluang pekerjaan, dijangka akan terus berkembang. Dengan pencapaian penting negara seperti Pengerusi ASEAN 2025 dan Tahun Melawat Malaysia 2026, langkah transformasi CAAM adalah tepat pada masanya dalam memastikan industri penerbangan negara kekal selamat, berdaya tahan dan berdaya saing selaras dengan kehendak piawaian antarabangsa.

Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook, yang merasmikan pelancaran logo korporat baharu CAAM berkata, “Identiti korporat ini bukan sekadar wajah baharu CAAM, tetapi satu janji untuk memastikan ruang udara Malaysia terus kekal selamat, sektor penerbangan negara terus berdaya tahan dan masa depan kita dalam dunia penerbangan global lebih terjamin.”

Pengerusi CAAM, Dato' Mohamed Sharil Tarmizi berkata bahawa imej baharu yang dilancarkan itu merupakan cerminan kepada nilai teras profesionalisme, integriti dan kepercayaan yang menjadi asas tanggungjawab CAAM. “Transformasi CAAM ini bukan hanya tentang penampilan tetapi bagaimana kita melaksanakan peranan serta tanggungjawab dan meningkatkan tahap kawal selia penerbangan, memupuk inovasi dan memastikan ruang udara negara kekal sebagai antara yang paling selamat di dunia.”

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif CAAM, Dato' Kapten Norazman Mahmud berkata, "Identiti baharu ini melambangkan komitmen CAAM untuk memperkuuh tahap pengawasan, mengadaptasi teknologi dan memacu kelestarian dalam sektor penting negara ini. Ia juga mencerminkan kesatuan antara Kementerian Pengangkutan, pihak-pihak berkepentingan sektor penerbangan dan CAAM sendiri yang berkongsi misi sama iaitu bagi memastikan ruang udara yang lebih selamat dan masa depan industri penerbangan yang lebih kukuh."

Identiti baharu ini mencerminkan pendekatan CAAM yang menjadi pemudah cara dan rakan strategik kepada pihak industri dan bukannya penghalang kepada sebarang kemajuan. Dengan langkah ini, CAAM akan memastikan komitmen yang tidak berbelah bahagi untuk memberi kerjasama lebih erat, memberi panduan lebih jelas serta memudahkan proses pensijilan kepada syarikat-syarikat penerbangan, operator lapangan terbang, penyedia penyelenggaraan, organisasi latihan dan pemain industri lain yang berkaitan. Peranan yang dilaksanakan CAAM bukanlah untuk menjadi penghalang sebaliknya bagi memastikan industri penerbangan negara terus berkembang secara mampan tanpa sebarang kompromi terhadap keselamatan.

Menerusi transformasi ini juga, CAAM akan mengadaptasi pendekatan baharu dengan menggalakkan industri untuk berkomunikasi dengan lebih terbuka di mana CAAM berperanan untuk membantu pihak operator melaksanakan perkara yang betul selaras dengan kehendak piawaian antarabangsa. CAAM juga bertanggungjawab memainkan peranan untuk menjadi pemudah cara dalam memastikan perkembangan industri berjalan dengan teratur dan bukannya secara terburu-buru.

Selain itu, pengguna pengangkutan udara turut akan menikmati manfaat daripada pengawasan keselamatan serta kualiti perkhidmatan yang dipertingkatkan seterusnya membantu mengukuhkan reputasi Malaysia sebagai hab penerbangan yang diyakini dan berdaya saing. Transformasi ini juga selaras dengan usaha kelestarian global termasuk sasaran karbon sifar bersih Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO) dan Pelan Hala Tuju Penyahkarbonan Sektor Penerbangan Malaysia.

Fokus baharu CAAM adalah untuk memastikan industri terus berdaya tahan dan bersikap responsif terhadap cabaran semasa seperti pertumbuhan trafik yang pesat, peralihan terhadap sistem pendigitalan serta sebarang gangguan berkaitan perubahan iklim. Transformasi ini juga dilihat berupaya memperkuuhkan pembangunan kapasiti dan kerjasama antarabangsa selain memastikan tenaga kerja

Kenyataan Media

Safer above. Safer beyond.



sektor penerbangan negara dilengkapi kumpulan berkemahiran yang diperlukan untuk masa depan industri.

Dengan transformasi identiti korporat baharu ini, CAAM sekali lagi menekankan matlamat utamanya untuk melindungi ruang udara Malaysia di samping menjadi pemudah cara bagi pertumbuhan industri yang lebih mampan.

Mengenai Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia

Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) merupakan badan kawal selia yang diamanahkan untuk menyelia dan memastikan keselamatan serta kecekapan penerbangan awam di Malaysia. Berpegang kepada komitmen CAAM terhadap piawaian penerbangan antarabangsa serta amalan terbaik, CAAM mengawal selia di samping turut menggalakkan pertumbuhan industri penerbangan yang mampan.

CAAM menyediakan pengawasan merangkumi perkhidmatan navigasi udara, pelesenan kakitangan penerbangan dan operasi penerbangan awam selain menggalakkan inovasi dan mengekalkan tahap pematuhan yang tinggi terhadap piawaian Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO).

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Anis Rahim di talian 012 336 4353 atau emel ke anis.rahim@caam.gov.my